



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

EN. HUSSALMIZZAR HUSSAIN

PENGARAH KANAN

JABATAN STANDARD MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN

JABATAN STANDARD MALAYSIA BIL. 1/2025

27 FEBRUARI 2025

DEWAN MENARA CYBER AXIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada tahun baharu 2025 ini. Masih belum terlewat lagi untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu 2025 buat seluruh warga JSM yang saya kasihi sekalian.
2. Semoga semua warga kerja JSM dapat memulakan tahun baharu 2025 dengan azam baharu yang menanamkan semangat serta iltizam yang tinggi khususnya dalam meneruskan tanggungjawab dengan menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang juga bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.
3. Sebagai tujuan rekod, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih JSM kepada En. Shahrul Sadri Alwi, mantan Ketua Pengarah JSM yang telah berkhidmat di JSM selama 26 tahun (Februari 1998 - Jun 2024). Antara

petikan ucapan beliau semasa Majlis Persaraan pada 27 Mei 2024 yang boleh kita jadikan sebagai panduan adalah:

“persaraan adalah pengakhiran bagi sesuatu dan permulaan kepada sesuatu yang lain. Bak kata pepatah Inggeris “Retire from work, but not from life”. “Life is like riding a bicycle. You don’t fall off unless you stop pedalling”. Kita hanya benar-benar bersara apabila dijemput Yang Maha Esa ke alam lain.”

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Pada pagi ini, kita berkesempatan untuk menjemput Tuan Sivarasan a/l Baby Kalidawson, Penguasa Kanan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menyampaikan taklimat bertajuk Transformasi Budaya Kerja Melalui Integriti dan Amanah dan membimbing kita untuk Bacaan Ikrar Bebas Rasuah serta Sesi Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah.
5. Besarlah harapan saya agar semua warga JSM dapat menghayati taklimat pada pagi ini dan dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas harian masing-masing.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN TAHUN 2024

6. Syukur Alhamdulillah, ke hadrat Allah SWT kerana kita berjaya mengharungi cabaran hebat sepanjang tahun 2024 dengan keazaman dan kecekalan. Sepanjang tahun 2024, pelbagai cabaran telah kita lalui bersama baik cabaran dalaman dan luaran, namun segala yang dilalui dapat kita hadapi dengan jayanya.
7. Pun begitu, di sebalik cabaran-cabaran tersebut, ada perkhabaran gembira yang ingin saya kongsi kepada semua hasil daripada usaha dan pengorbanan kita semua dengan mencipta beberapa kejayaan. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja JSM di atas kejayaan sepanjang tahun 2024.
8. Kejayaan ini adalah manifestasi dan simbolik kebersamaan kita semua dengan menzahirkan komitmen dan kualiti kerja meliputi dua bidang teras utama JSM iaitu Perkhidmatan Standardisasi dan Perkhidmatan Akreditasi. Saya berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun seterusnya.
9. Selain itu, dalam tahun 2024, JSM telah berjaya melancarkan 2 MS yang berimpak tinggi iaitu:
 - a. **MS 2791 Good Animal Husbandry Practice (GAHP) - Organic Farming.** MS ini telah dilancarkan pada 26 November 2024 dan bertujuan untuk memperkasa Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) bagi meningkatkan kualiti sektor ternakan.
 - b. **MS 2781: 2023 - Logistics dataset - Guidelines for E-commerce Transactions and Last Mile Delivery.** MS ini telah dilancarkan

pada 24 September 2024 dan bertujuan untuk memastikan ekosistem pelaburan, perdagangan dan industri yang kondusif.

10. JSM juga telah berjaya menjalani APAC Peer Evaluation pada 19 - 24 Mei 2024. Penilaian setiap 4 tahun tersebut adalah penting bagi memastikan JSM sebagai Badan Akreditasi Kebangsaan dapat mengekalkan dan menambah skop Mutual Recognition Arrangement (MRA).
11. Tahniah juga kepada pasukan Malaysia daripada Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas Kuala Lumpur (kategori Menengah Rendah) kerana berjaya merangkul pulang pingat emas dan USD500 di 19th International Standards Olympiad berlangsung pada 12-14 Ogos 2024 di Chungceongnam-do, Korea Selatan. Pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Seremban dan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas telah diraikan semasa MITI Day 2024.
12. JSM merupakan agensi pertama di bawah MITI yang berjaya memulakan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan telah dilancarkan oleh YBhg Datuk Bahria Mohd Tamil, TKSU (Pelaburan & Pengurusan) MITI di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan Kementerian (JKTPAK) pada 1 Disember 2024.
13. Bukan itu sahaja, JSM juga mengambil bahagian dengan program dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh MITI dan lain-lain agensi. Antaranya:
 - a. Majlis Anugerah Standardisasi dan Akreditasi Kebangsaan 2023 bersekali dengan MITI Day 2024 pada 1 Oktober 2024 bagi

meraikan 5 pakar dan 5 penilai yang telah memberi sumbangan penting dalam bidang standardisasi dan akreditasi.

- b. Bagi pameran, JSM telah menyertai Program Malaysia MADANI Rakyat di enam zon sepanjang tahun 2024, Program 2 Tahun Kerajaan MADANI dan Kampung Angkat MADANI MITI.
- c. JSM juga telah menganjurkan Program Santuni MADANI (Satu Pemimpin Satu Kampung) di Kampung Sungai Pial, Merbok, Kedah pada 7 September dan 10 Disember 2024.

Warga JSM yang saya hormati,

AMANAT TAHUN BAHARU YAB PERDANA MENTERI DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

- 14. Pada 3 Januari 2025, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu kepada penjawat awam di PUSPANITAPUTRI, Putrajaya. Dalam ucapannya, beliau menekankan beberapa perkara penting:
 - a. **Peningkatan Kecekapan dan Latihan:** Penjawat awam, khususnya golongan muda, perlu diberi pendedahan maksimum dan latihan dalam bidang kritikal seperti kecerdasan buatan (AI) dan peralihan tenaga. Pendekatan ini bertujuan memperkukuh kecekapan mereka dan memastikan mereka memahami aspirasi Kerajaan MADANI.
 - b. **Penerapan Kaedah Baharu dan Inovatif:** Perdana Menteri menggesa ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah

jabatan untuk mencari kaedah baharu yang lebih inovatif dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam, bukannya sekadar meneruskan tugas sedia ada. Beliau menekankan bahawa perubahan signifikan hanya dapat dicapai melalui semangat kecintaan terhadap tugas dan usaha berterusan untuk memperbaiki sistem.

c. **Transformasi Digital:** Beliau juga menekankan perlunya transformasi digital dalam memperbaiki proses perkhidmatan awam, terutamanya dalam urusan seperti pembaharuan lesen. Matlamatnya adalah untuk memudahkan rakyat dengan membolehkan proses dilakukan secara digital, tanpa perlu beratur atau mengambil cuti.

15. Selain itu, beliau menyatakan bahawa prestasi perkhidmatan awam Malaysia yang efisien telah menarik perhatian negara luar seperti Peru dan Mesir, yang berminat untuk bekerjasama dalam beberapa aspek.
16. Beliau juga menyeru penjawat awam untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang hebat dengan memanfaatkan peluang yang ada. Amanat ini diharapkan dapat menjadi panduan dan motivasi kepada semua penjawat awam dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat dan negara.
17. Di samping itu, pada hari yang sama, Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, telah menyampaikan amanat kepada penjawat awam sempena Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).
18. Dalam ucapannya, beliau menekankan beberapa perkara penting:

- a. **Kerjasama Berpasukan:** Penjawat awam diingatkan untuk bekerja dalam pasukan, berdaya saing, dan mengaplikasikan kaedah terkini dalam melaksanakan tugas.
- b. **Integriti:** Beliau menegaskan kepentingan integriti dan mengingatkan penjawat awam agar tidak terlibat dalam isu-isu ketidakpatuhan yang boleh menjejaskan fungsi perkhidmatan awam.

19. Beliau menekankan bahawa setiap penjawat awam, dari peringkat tertinggi hingga terendah, memainkan peranan penting dalam membawa perubahan positif dalam bidang tugas masing-masing.
20. Amanat ini diharapkan dapat menjadi panduan dan motivasi kepada semua penjawat awam dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

Warga JSM yang saya hormati,

PENUTUP

21. Kejayaan tahun 2024 adalah pemangkin kepada usaha-usaha yang perlu diperkemas pada tahun ini. Diharap berbekalkan semangat Esprit de corps seluruh warga JSM, usaha pencapaian misi dan visi JSM akan dipermudahkan oleh Allah S.W.T. Dengan izin-Nya, JSM mampu melangkah lebih jauh dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat dan kualiti perkhidmatan JSM dapat diterjemah melalui kesukarelaan klien mendapatkan khidmat JSM.

22. Di kesempatan ini juga, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua lapisan warga JSM atas kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2024.
23. Sesungguhnya tahun 2025 dijangka akan memberi cabaran yang lebih besar. Justeru, setiap warga JSM diharap sentiasa dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk sama-sama membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik. Sebagai langkah ke hadapan, momentum kejayaan tahun lalu perlu kita teruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan bijak.
24. Semoga semua warga JSM yang dikasihi terus beristiqamah dan beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh :
Unit Komunikasi Strategik

Tarikh: 27 Februari 2025